

03/07/1997

Kereta elektrik dipasar akhir tahun

SHAH ALAM, Rabu - Kenderaan berkuasa elektrik dengan konsep mesra alam yang dikenali Trans2, berharga kira-kira RM25,000 mula dipasarkan di negara ini.

Kereta pelbagai guna itu yang diimport dari Amerika Syarikat sesuai bagi kegunaan jalan jarak dekat seperti di bandar dalam taman dan kelab golf.

Ia diedarkan Erastrategi (M) Sdn Bhd yang turut menjadi wakil pengedar di Singapura dan Thailand.

Syarikat itu juga mendapat hak memasang Trans2 di Malaysia, tahun depan.

Presidennya, Datuk Tengku Putra Tengku Azman Shah, berkata dengan pembangunan bandar raya taman seperti Putrajaya dan Cyberjaya, pihaknya yakin Trans2 mampu menjadi sebahagian penyelesaian isu alam sekitar.

"Kami yakin mampu memasarkan antara 250 dan 300 unit Trans2 menjelang akhir tahun ini," katanya pada majlis demonstrasi dan memperkenalkan kenderaan itu, di sini hari ini.

Trans2 dengan kelajuan 32 kilometer sejam boleh dipandu sejauh 48 kilometer.

Kenderaan itu menggunakan bateri yang boleh dipasang pada plag bervoltan 110 watt di rumah dan perlu dicaj selama lapan jam.

Ia boleh dilengkapi brek hidraulik empat roda dan cermin depan keselamatan.

Penyelenggaraan Trans2 mudah seperti kipas elektrik di rumah kerana ia tidak mempunyai alat yang bergerak kecuali rodanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melawat Pusat Penyelidikan Frazer-Nash di Mychett, England bulan lalu, mengumumkan Malaysia akan mengeluarkan kenderaan elektrik yang diusahakan oleh Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM).

POEM adalah usaha sama empat pelabur iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Frazer-Nash, Composite Automotive Research (CAR) dan Tan Sri Basir Ismail.

Tengku Putra berkata, langkah POEM menghasilkan kenderaan elektrik menggalakkan penggunaan kenderaan jenis itu di negara ini.

(END)